


UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 319

AKTA LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN PERHUTANAN
MALAYSIA 1985



Beta bersetuju

A stylized signature of the Yang di-Pertuan Agong.

.....
Yang di-Pertuan Agong

22hb Mei 1985

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 319

AKTA LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN PERHUTANAN
MALAYSIA 1985SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkai, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II
LEMBAGA

3. Penubuhan Lembaga.
4. Tempoh jawatan.
5. Ahli silih ganti.
6. Perlantikan ke dalam Lembaga hendaklah diwartakan.
7. Menjalankan fungsi-fungsi Pengerusi bagi tempoh sementara.
8. Fungsi-fungsi Lembaga.
9. Menteri boleh memberi arahan.
10. Kuasa Lembaga untuk membuat peraturan-peraturan.

BAHAGIAN III
INSTITUT

11. Institut.
12. Perlantikan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Institut.
13. Kuasa-kuasa dan tugas-tugas Ketua Pengarah.
14. Pengkhidmat swam.

BAHAGIAN IV
LAPORAN KEWANGAN DAN LAPORAN TAHUNAN

Seksyen

15. Kumpulan Wang Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan.
16. Kuasa untuk meminjam wang.
17. Kuasa untuk melabur.
18. Pengecualian duti setem.
19. Ses penyelidikan.
20. Pengemukaan akaun, audit dan laporan tahunan.

BAHAGIAN V
PERUNTUKAN-PERUNTUKAN TAMBAHAN
DAN PERALIHAN

21. Perlindungan bagi Lembaga dan ahli-ahlinya, dan pegawai-pegawai serta pengkhidmat pengkhidmat Institut.
22. Fee.
23. Harta dalam penemuan dan pembaikan.
24. Pemindahan hak dan liabiliti.
25. Pengesahan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat.
26. Pengesahan tindakan yang dilakukan semasa Akta masih dalam jangkaan.

JADUAL.

"hasil hutan" ertinya

- (a) hasil-hasil dalam bentuk yang belum diproses atau telah diproses sebahagiannya, iaitu

kayu balak; kayu jaras; kayu api; kayo getah; batang kelapa sawit, batang kelapa dan batang palma-palma lain; kayu gaharu dan kayu-kayu lain yang berbau; gam, damar dan oleoresin; minyak-minyak kayu; daundaun; rotan; buluh; nat illipe; pucuk; akar, mengkuang;

- (b) hasil-hasil yang telah mengalami proses atau yang bentuk-bentuknya sudah diubah, iaitu

kayu gergaji; arang kayu; minyak-minyak bauan; kayu serpai, dan tatal kayu; kayu kasar; kayu yang diketam, dan kayu kumai; papan lapis dan venir; papan partikel dan papan gentian; papan belok; papan lamin, dan hasil-hasil panel lain dari kayu yang diubahsuai; kayu pulpa, kertas dan hasilhasil dari kertas; kayu lapis perekat; dan hasil-hasil lain yang diproses yang berasal dari butiran-butiran yang disenaraikan dalam butiran (a); dan

- (c) hasil-hasil dalam bentuk yang sudah siap untuk digunakan, iaitu

atap; kayu landasan keretapi dan trem; perahot, hasil-hasil kerja tangan dan barangbarang mainan daripada kayu; pemegang alat-alat daripada kayu; cerucuk, pancang, dan kayu pancang; bingkai gambar dari kayu; kotak-kotak bungkusan dari kayu; alat-alat perkakas rumah dari kayu; bakul, barangbarang anyaman dan barang-barang lain dari anyaman; pensil; dan barang-barang lain yang siap untuk diguna yang sepenuhnya atau sebahagiannya dibuat dari hasilhasil yang disenaraikan dalam butiran (a) atau (b);

"industri-industri perhutanan" ertinya semua industri yang terlibat dengan kerja-kerja pengusahaan, pengeluaran, pemprosesan, pengilangan, pengawetan dan pengeringan hasil-hasil hutan;

**LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
PERHUTANAN MALAYSIA** **7**

"Institut" ertinya Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 11;

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah yang dilantik di bawah seksyen 12 dan termasuk Timbalan Ketua Pengarah;

"Kumpulan Wang" artinya Kumpulan Wang Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 15;

"Lembaga" ertinya Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"Menteri" ertinya Menteri yang pada masa itu bertanggungjawab ke atas sektor perhutanan;

"pembangunan perhutanan" ertinya dasar-dasar dan aktiviti-aktiviti pengurusan dan pembangunan bagi semua hutan semulajadi dan hutan buatan manusia, berdasarkan kepada prinsip-prinsip ekologi dan ekonomi yang baik, bagi kedua-dua tujuan yang khusus untuk pengeluaran hasil-hasil hutan dan pemeliharaan alam sekitar;

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 3;

"program-program yang diluluskan" ertinya program-program yang diluluskan oleh Lembaga;

"saraan" termasuklah gaji atau upah, elaun, faedah-faedah perubatan, rumah percuma atau rumah subsidi, dan keistimewaan-keistimewaan lain yang boleh dinilai dengan wang.

BAHAGIAN II

LEMBAGA

3. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan yang akan dikenali sebagai "Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia" yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu

Penubuhan
Lembaga.

meterai biasa dan yang boleh mendakwa dan didakwa atas namanya yang tersebut itu dan tertakluk kepada dan bagi maksud-maksud Akta ini, boleh membuat kontrak dan boleh memegang dan memperniagakan atau membuat apa-apa urusan dengan apa-apa harta alih atau harta tak alih dan boleh melakukan semua perkara dan hal lain yang hersampingan atau berkaitan dengan pertubuhan perbadanan.

(2) Lembaga hendaklah terdiri dari ahli-ahli berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang wakil daripada Kementerian yang bertanggungjawab bagi perhutanan;
- (c) seorang wakil daripada Perbendaharaan;
- (d) seorang wakil daripada Jabatan Perhutanan Persekutuan;
- (e) seorang wakil daripada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia;
- (f) tiga orang wakil daripada perdagangan dan perindustrian kayu; dan
- (g) mana-mana orang lain tidak lebih dari empat orang yang, pada pendapat Menteri, boleh memberi sumbangan kepada penyelidikan dan pembangunan perhutanan.

(3) Menteri hendaklah, selain dari orang-orang yang tersebut di dalam subseksyen (2), melantik untuk menjadi ahli-ahli Lembaga, seramai tidak lebih dari tiga orang lain sebagaimana difikirkannya sesuai, untuk mewakili kepentingan Negeri-Negeri dalam penyelidikan perhutanan.

(4) Ketua Pengarah hendaklah menjadi seorang ahli Lembaga.

(5) Lembaga hendaklah menjalankan fungsi-fungsinya dan hendaklah melaksanakan kewajipan-kewajipannya mengikut Jadual.

Tempoh
jawatan.

4. Ahli-ahli Lembaga hendaklah memegang jawatan bagi sesuatu tempoh sebagaimana ditetapkan dalam syarat perlantikan mereka dan adalah layak bagi perlantikan semula.

**LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN PERHUTANAN MALAYSIA** **9**

5. (1) Menteri boleh, bagi tiap-tiap seorang ahli yang dilantik di bawah seksyen 3 (2) (b) hingga 3 (2). dan seksyen 3 (3), melantik seseorang sebagai ahli silih ganti untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat Lembaga bagi menggantikan tempat seseorang ahli sekiranya ahli itu oleh kerana apa-apa sebab tidak dapat hadir.

Ahli silih ganti.

(2) Apabila menghadiri mesyuarat-mesyuarat Lembaga, seseorang ahli silih ganti hendaklah bagi semua maksud dianggap menjadi seorang ahli Lembaga.

(3) Seseorang ahli silih ganti hendaklah, melainkan jika dia meletak jawatan terlebih dahulu atau jika perlantikannya dibatalkan terlebih dahulu, terhenti daripada menjadi, ahli silih ganti apabila ahli yang baginya dia menjadi ahli silih ganti itu berhenti daripada menjadi ahli Lembaga.

6. Perlantikan tiap-tiap ahli dan silih ganti Lembaga hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Perlantikan ke dalam Lembaga hendaklah diwartakan.

7. (1) Menteri boleh melantik mana-mana ahli Lembaga untuk menjalankan fungsi-fungsi Pengerusi di fu~gs; sepanjang tempoh yang Pengerusi oleh kerana apa-apa bagi sebab tidak dapat menjalankan fungsi-fungsinya atau di sementara. sepanjang tempoh apa-apa kekosongan dalam jawatan Pengerusi; dan ahli tersebut hendaklah, di sepanjang tempoh dia menjalankan fungsi-fungsi Pengerusi di bawah subseksyen ini, dianggap sebagai Pengerusi.

Menjalankan fungsi-fungsi Pengerusi bagi tempoh sementara.

(2) Sehingga suatu perlantikan dibuat di bawah subseksyen (1), atau jika perlantikan itu tidak dibuat, ahli yang dilantik di bawah seksyen 3 (2) (b) hendaklah menjalankan fungsi-fungsi Pengerusi dan dianggap sebagai Pengerusi; dan jika ahli tersebut oleh kerana apa-apa sebab tidak berupaya bertindak di bawah subseksyen ini, ahli yang dilantik di bawah seksyen 3 (2) (d) hendaklah menjalankan fungsi-fungsi Pengerusi dan dianggap sebagai Pengerusi.

Fungsi-
fungsi
Lembaga.

8. (1) Lembaga hendaklah menjalankan fungsi-fungsi yang berikut:

- (a) menjalankan dan menganjurkan penyelidikan mengenai pembangunan perhutanan termasuk pengeluaran hutan, pengeluaran, pemrosesan, penstoran, pengangkutan dan penggunaan hasil-hasil hutan, dan bidang-bidang lain yang sesuai dengan pembangunan seterusnya bagi sektor perhutanan dan pemuliharaan sumber;
- (b) mendapatkan, sekiranya kepentingan awam atau kepentingan pembangunan perhutanan dan industri-industri perhutanan begitu memerlukan, kemajuan dan eksploitasi hasil-hasil penyelidikan, yang didapati oleh Lembaga masih belum dimajukan atau belum dieksploitasi atau tidak dimajukan atau tidak dieksploitasi dengan secukupnya;
- (c) memperolehi, memegang, melupuskan atau memberi hak-hak yang berkaitan dengan hasil apa-apa penyelidikan yang dijalankan oleh Lembaga atau, sekiranya kepentingan awam atau kepentingan pembangunan perhutanan dan industri-industri perhutanan begitu memerlukan, berkaitan dengan hasil apa-apa penyelidikan yang dijalankan oleh mana-mana orang atau organisasi;
- (d) mengawal, menyelaras dan mengesan aktiviti-aktiviti mana-mana organisasi yang menjalankan program-program dan projek-projek penyelidikan dan pembangunan yang dibiayai sepenuhnya atau sebahagian besarnya dari Kumpulan Wang;
- (e) memastikan bahawa Lembaga sentiasa diberitahu dengan sepenuhnya akan aktiviti-aktiviti yang relevan bagi mana-mana organisasi yang menjalankan program-program dan projek-projek penyelidikan dan pembangunan yang dibiayai sebahagiannya oleh Kumpulan Wang;
- (f) mengumpul, menyatukan dan menyebarkan maklumat berhubung dengan pengurusan dan pembangunan perhutanan, hasil-hasil hutan dan penggunaan hasil-hasil hutan;

LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PERHUTANAN MALAYSIA **11**

- (g) menyelaraskan aktiviti-aktiviti di dalam Malaysia berhubung dengan penyelidikan dan pembangunan, publisiti dan perkara-perkara lain berkaitan dengan pembangunan perhutanan dan industri perhutanan serta mengadakan perhubungart dengan badan-badan diluar Malaysia berkaitan dengan perkara-perkara tersebut;
 - (h) sentiasa memberitahu Menteri dengan sepenuhnya semua perkara berhubung dengan penyelidikan dan pembangunan perhutanan; dan
 - (i) menjalankan apa-apa fungsi lain sebagaimana diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.
- (2) Lembaga boleh melakukan segala perkara perlu yang munasabah, atau bermanfaat bagi atau bersampingan dengan, pelaksanaan fungsi-fungsinya, khususnya tetapi tanpa menjejaskan keluasan makna seksyen ini
- (a) untuk membuat kontrak dengan, atau mentauliahkan mana-mana orang atau badan untuk menjalankan penyelidikan;
 - (b) untuk mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan perundingan bagi orang ramai; dan
 - (c) untuk menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa, yang boleh dianggotai oleh atau termasuk orang-prang yang bukan ahli Lembaga, untuk memberi nasihat atau membantu Lembaga d dalam perkara-perkara berkenaan dengan fungsi-fungsinya sebagaimana difikirkannya patut; dan Lembaga boleh mewakilkan, tertakluk, kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang boleh dikenakan, apa-apa fungsinya di bawah Akta (kecuali kuasa untuk membuat peraturan-peraturan dan untuk meminjarn wang) sebagaimana difikirkannya sesuai bagi mana-mana jawatankuasa tersebut, dan apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan vane dihuat oleh jawatankuasa-jawatankuasa menurut apa-apa perwakilan tersebut hendaklah dianggap sebagai tindakan atau keputusan Lembaga.

Menteri boleh memberi arahan.

9. Lembaga hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri dan Menteri boleh, selepas berunding dengan Lembaga, sekiranya menurut budi bicaranya dianggapnya perlu untuk berbuat demikian, memberikan kepadanya apa-apa arahan yang dianggapnya sesuai dan bermanfaat dan Lembaga hendaklah mematuhi arahan-arahan tersebut.

Kuasa Lembaga untuk membuat peraturan-peraturan.

10. Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri membuat apa-apa kaedah dan peraturan sebagaimana difikirkannya perlu bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya dengan berkesan di bawah seksyen 8, dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan kuasa yang diberi oleh seksyen ini, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan tersebut boleh

- (a) menetapkan prosedur bagi pentadbiran Kumpulan Wang di bawah Bahagian IV;
- (b) mengadakan skim-skim dan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan termasuk mengenai kelakuan dan disiplin pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Institut;
- (c) menetapkan terma-terma dan syarat-syarat bagi pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Institut di bawah seksyen 15 (3) (d); dan
- (d) membuat peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang perlu untuk pelaksanaan peruntukan-peruntukan Akta ini dengan lebih baik dan berkesan.

BAHAGIAN III INSTITUT

Institut.

- 11.** (1) Lembaga hendaklah menubuhkan dan menguruskan suatu institut penyelidikan yang akan dinamakan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia bagi tujuan melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini.
- (2) Lembaga hendaklah, berhubungan dengan Institut itu,
- (a) tertakluk kepada seksyen 12 (4), menentukan bilangan dan gred jawatan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat yang diperlukan oleh Institut;

**LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
PERHUTANAN MALAYSIA**

13

- (b) menentukan prioriti aktiviti-aktiviti penyelidikan Institut dan meluluskan program-program penyelidikan tahunan dan anggaran perbelanjaan yang perlu bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti dan pentadbiran Institut;
- (c) memastikan supaya program-program yang diluluskan dijalankan dengan sewajarnya dan supaya perbelanjaan yang ditanggung adalah mengikut anggaran perbelanjaan; dan
- (d) mempunyai apa-apa kuasa lain yang perlu bagi pengurusan Institut.

12. (1) Menteri hendaklah melantik seorang Ketua Pengarah Institut.

(2) Lembaga hendaklah melantik seorang Timbalan Ketua Pengarah Institut dan boleh juga melantik seberapa ramai pegawai dan pengkhidmat lain Institut sebagaimana difikirkannya perlu dan bermanfaat bagi menjalankan fungsi-fungsinya.

(3) Perlantikan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(4) Lembaga hendaklah, sebelum menubuhkan atau mengubahsuai apa-apa skim perkhidmatan bagi pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Institut, termasuk terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan dan gaji, apa-apa skim pensen, dan apa-apa skim yang berhubungan dengan elaun-elaun dan apa-apa saraan lain, mendapatkan kelulusan Perbendaharaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Perlantikan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Institut.

13. (1) Ketua Pengarah hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif Institut dan hendaklah, selain daripada mempunyai, apa-apa kuasa dan tugas yang ditetapkan dalam subseksyen (2) atau sebagaimana difikirkan patut oleh Lembaga untuk memberi atau mengenakan ke atasnya, mempunyai semua kuasa dan tugas yang perlu untuk menjalankan pentadbiran dan fungsi-fungsi teknik Institut.

Kuasa-kuasa dan tugas-tugas Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah hendaklah

(a) mengemukakan untuk kelulusan Lembaga

(i) program-program: penyelidikan tahunan;

- (ii) anggaran hasil dan anggaran perbelanjaan yang perlu bagi menjalankan aktivitiaktiviti Institut termasuk program-program penyelidikan tahunan dan bagi pentadbiran Institut;
 - (b) memastikan bahawa program-program yang diluluskan dilaksanakan dengan sewajarnya dan bahawa perbelanjaan bagi menjalankan program-program yang diluluskan dan juga bagi pentadbiran Institut, adalah menurut anggaran yang diluluskan oleh Lembaga;
 - (c) sentiasa memberitahu Lembaga dengan sepenuhnya akan kemajuan penyelidikan, pembangunan dan perkhidmatan nasihat, dan menyediakan dan mengemukakan kepada Lembaga dengan seberapa segera yang boleh selepas tamatnya tiap-tiap tahun kewangan suatu laporan berkenaan dengan pentadbiran Institut yang disertakan dengan suatu penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun yang baru sahaja berakhir itu bersama-sama dengan kunci kira-kira seperti pada akhir tahun itu; dan
 - (d) bertanggungjawab bagi mengadakan dan menyelenggarakan perkhidmatan kesetiausahaan yang perlu bagi Lembaga.
- (3) Pada menjalankan kuasa-kuasa dan pada melaksanakan tugas-tugasnya, Ketua Pengarah hendaklah dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah.
- (4) Jika Ketua Pengarah tidak dapat, bagi tempoh sementara, menjalankan kuasa-kuasa dan tugas-tugasnya oleh sebab sakit, tidak hadir atau atas apa-apa sebab lain, Timbalan Ketua Pengarah hendaklah menjalankan kuasa-kuasa dan tugas-tugas Ketua Pengarah itu.

**LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
PERHUTANAN MALAYSIA**

15

**BAHAGIAN IV
LAPORAN KEWANGAN DAN LAPORAN TAHUNAN**

15. (1) Maka adalah ditubuhkan dan diselenggarakan suatu kumpulan Wang yang akan dikenali sebagai Kumpulan Wang Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan yang akan ditadbirkan oleh Lembaga.

Kumpulan
Wang
Penyelidika
n dan Pem-
angunan
Perhutanan.

- (2) Yang berikut ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang
- (a) apa-apa pemberian yang dibuat kepada Lembaga oleh Kerajaan Persekutuan atau oleh mana-mana Kerajaan Negeri;
 - (b) semua Wang yang dipungut di bawah seksyen 19;
 - (c) semua wang yang dipinjam oleh Lembaga di bawah seksyen 16;
 - (d) semua Wang yang didapati atau yang terhit daripada apa-apa pelaburan di bawah seksyen 17 atau daripada apa-apa harta, gadai janji, gadaian atau debentur; dan
 - (e) Wang yang diterima daripada sumber-sumber lain termasuk fee-fee bagi nasihat atau perkhidmatan yang diberi menurut seksyen 22, atau fee a.au royalti yang dikenakan menurut subseksyen (2) seksyen 23.

(3) Kumpulan Wang hendaklah digunakan bagi menanggung perkara-perkara berikut:

- (a) untuk menjelaskan perbelanjaan-perbelanjaan yang ditanggung oleh Lembaga pada mentadbirkan Kumpulan Wang dan pada menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini termasuk saraan bagi pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Institut;
- (b) untuk mengadakan Wang bagi Institut bagi menjalankan fungsi-fungsi Lembaga di bawah Akta ini;
- (c) untuk mengadakan Wang bagi mana-mana organisasi yang difikirkan bennanfaat oleh Lembaga untuk ditauliahkan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan, pembangunan atau publisiti;

- (d) untuk meminjamkan kepada pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Institut bagi tujuan membeli kenderaan, atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana ditetapkan;
- (e) untuk menyumbangkan melalui yuran atau derma kepada mana-mana organisasi, sama ada organisasi tempatan atau antarabangsa, yang menggalakkan kepentingan penyelidikan dalam pembangunan perhutanan dan industri perhutanan;
- (f) untuk membayar balik wang yang dipinjam oleh Lembaga di bawah seksyen 16; dan
- (g) untuk menampung apa-apa perbelanjaan lain yang difikirkan oleh Lembaga sebagai bersampingan kepada fungsi-fungsinya.

Kuasa untuk meminjam Wang.

16. Lembaga boleh, apabila mendapat kelulusan Menteri yang diheri dengan persetujuan Menteri Kewangan, meminjam wang bagi maksud-maksud menjalankan fungsi-fungsinya.

Kuasa untuk melabur.

17. Lembaga boleh, apabila mendapat kelulusan Menteri yang diberi dengan persetujuan Menteri Kewangan, melaburkan Kumpulan Wang itu atau mana-mana bahagian daripadanya, yang bukan dikehendaki dengan segera bagi menyempurnakan obligasi-obligasinya atau bagi menjalankan fungsi-fungsinya, dalam mana-mana pelaburan atau sekuriti yang pada masa itu dibenarkan bagi pelaburan kumpulan wang amanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Pengecualian duti setem.

18. Lembaga hendaklah dikecualikan daripada apa-apa pembayaran berhubungan dengan duti setem yang dikenakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Ses penyelidikan.

19. (1) Menteri boleh, selepas mengadakan perundingan dengan Lembaga dan dengan persetujuan Menteri Kewangan, membuat perintah-perintah bagi penganan, perubahan atau pembatalan ses penyelidikan ke atas semua atau ke atas apa-apa basil hutan; dan perintah-perintah itu boleh menetapkan jenis, amaun dan kadar dan cara pemungutan ses itu.

(2) Tiap-tiap perintah tersebut hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

**LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
PERHUTANAN MALAYSIA**

17

(3) Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya

dalam mana-mana perintah seperti itu, ses tersebut hendaklah disifatkan bagi maksud-maksud pemungutan dan penguatkuasaan pemungutannya, sebagai duti kastam yang dikenakan di bawah Akta Kastam 1967.

Akta 235

20. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1950 adalah terpakai bagi akaun, audit dan laporan tahunan Lembaga.

Pengemukaan akaun, audit dan laporan tahunan.
akta 240

BAHAGIAN V

**PERUNTUKAN-PERUNTUKAN TAMBAHAN DAN
PERALIHAN**

21. Tiada apa jua tindakan atau dakwaan yang boleh diambil, dimilikan atau disenggarakan dalam mana-mana mahkamah terhadap Lembaga atau mana-mana ahlinya, atau terhadap mana-mana pegawai atau pengkhidmat Institut bagi atau oleh sebab atau berkenaan dengan apa-apa tindakan yang diperintahkan atau dilakukan bagi maksud melaksanakan Akta ini, dan tiada apa jua guaman atau dakwaan yang boleh dibenarkan dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap mana-mana orang lain bagi atau oleh sebab atau berkenaan dengan apa-apa tindakan yang dilakukan atau dikatakan sebagai telah dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau petunjuk Lembaga atau mana-mana ahlinya, atau mana-mana pegawai atau pengkhidmat institut yang diberi bagi apa-apa maksud sebagaimana tersebut di atas:

Perlindungan bagi Lembaga dan ahli-ahlinya, dan pegawai-pegawai serta pengkhidmat-pengkhidmat Institut.

Dengan syarat bahawa tindakan itu telah dilakukan dengan suci hati dan dengan suatu kepercayaan yang munasabah bahawa ianya adalah perlu bagi maksud yang dicadangkan untuk dilaksanakan dengannya.

22. Lembaga boleh dari semasa ke semasa menetapkan fee-fee yang akan dikenakan bagi apa-apa penyelidikan, penyiasatan, ujian, nasihat atau perkhidmatan-perkhidmatan lain yang diminta kepada Institut supaya menjalankan, memberikan atau melaksanakannya menurut seksyen 8 (2) (b).

Fee

Harta dalam penemuan dan pembaikan.

23. (1) Harta dalam tiap-tiap penemuan dan pembaikan dalam mana-mana proses atau alat yang beneficial kepada pembangunan perhutanan oleh mana-mana pegawai atau pengkhidmat Institut semasa menjalankan tugasnya atau dalam tempoh apabila pegawai atau pengkhidmat yang berkenaan bekerja dengan Lembaga, hendaklah terletak pada Lembaga, tetapi Lembaga boleh membayar kepada pegawai atau pengkhidmat yang berkenaan kerana penemuan atau pembaikan itu.

(2) Lembaga boleh menyebabkan tersedia apa-apa penemuan atau pembaikan yang terletak pada Institut mengikut subseksyen (1), kepada mana-mana badan atau orang tertakluk kepada apa-apa syarat dan kepada pembaruan apa-apa fee atau royalti jika ada, sebagaimana ditentukan oleh Lembaga.

Pemindahan hak dan liabiliti.

24. Semua hak dan liabiliti yang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini adalah merupakan hak dan liabiliti Institut Penyelidikan Perhutanan (selepas daripada ini disebut "Institut terdahulu") yang ditubuhkan di bawah Jabatan Perhutanan Persekutuan, hendaklah apabila berkuatkuasanya Akta ini menjadi hak dan liabiliti Lembaga yang ditubuhkan di bawah Akta ini.

Pengekalan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat

25. Tiap-tiap orang yang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini telah diambil kerja sebagai pegawai atau pengkhidmat Jabatan Perhutanan Persekutuan bagi Institut terdahulu, hendaklah selepas mula berkuatkuasanya Akta mempunyai hak memilih untuk diambil kerja oleh Lembaga atas terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada apa yang dinikmatinya sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta, atau untuk terus berkhidmat di Jabatan Perhutanan Persekutuan.

Pengesahan tindakan yang dilakukan semasa Akta masih dalam jangkauan.

26. (1) Semua tindakan dan perkara yang dilakukan oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa, sama ada dikatakan sebagai dilakukan untuk atau bagi pihak Lembaga atau tidak, dalam persediaan bagi atau dalam jangkauan pengisytiharan Akta ini; dan apa-apa perbelanjaan yang ditanggung berhubungan dengannya hendaklah dianggap sebagai telah dibenarkan oleh Akta ini, dengan syarat bahawa tindakan-tindakan dan

**LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
PERHUTANAN MALAYSIA**

19

perkara-perkara yang dilakukan itu adalah tidak berlawanan dengan That dan maksud am Akta ini; dan semua hak dan obligasi yang diperolehi abau ditanggung akibat dari melakukan tindakan-tindakan dan perkaraperkara atau apa,apa perbelanjaan yang ditanggung sedemikian itu hendaklah dianggap sebagai hak-hak dan obligasi-obligasi Lembaga.

(2) Untuk mengelakkan keraguan, adalah ditetapkan bahawe, subseksyen (1) tidak membenarkan perlantikan ahli ahli, pegawai-pegawai atau pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga kecuali hanya setakat membenarkan perlantikan sementara orang-orang tersebut sehingga dilantik di bawah Akta ini.

JADUAL

(Seksyen 3 (5))

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN TAMBARAN MENGENAI LEMBAGA

1. Lembaga hendaklah mengadakan mesyuaratnya sekurang-kurangnya empat kali dalam tiap-tiap tahun.

2. Lembaga hendaklah juga bermesyuarat pada bila-bila masa yang lain sebagaimana difikirkan perlu oleh Pengerusi atau atas permintaan dari pada mana-mana enam orang ahli.

3. (1) Dalam mana-mana mesyuarat Lembaga, enam orang ahli hendaklah menjadi suatu kourum.

(2) Keputusan-keputusan Lembaga hendaklah diambil mengikut suatu undi lebih suara ahli-ahli yang hadir dan mengundi.

(3) Sekiranya berlaku pembahagian undi yang sama banyak atas apa-apa persoalan yang akan ditentukan oleh Lembaga, Pengerusi atau ahli yang mempengerusikan mesyuarat itu, hendaklah mempunyai undi petnutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

4. (1) Seorang ahli yang

(a) pada tiga kali mesyuarat Lembega berturut-turut, tanpa mempunyai sebab-sebab yang munasabah atau tanpa kebenaran secara bertulis daripada Pengerusi, telah tidak menghaeiri atau tidak diwakili oleh ahli silih gantinya, jika ada, yang dilantik bagi pihak ahl itu;

(b) telah didapati atau diisytiharkan sebagai tak sempurna akal;

(c) telah menjadi bankrap atau membuat perkiraan dengan pemiutarg-pemiutangnya; atau

[Jadual]

20

AKTA 319


(d) telah didapati disabitkan atas apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak, hendaklah terhenti daripada menjadi ahli.

(2) Peruntukan-peruntukan subperenggan (1) selain daripada subperenggan (1) (a), adalah terpakai *mutatis mutandis* kepada ahli silih ganti.

5. Pengerusi dan ahli-ahli boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana ditentukan oleh Menteri.

6. Meterai Lembaga hendaklah dicap di hadapan Pengernai dan seorang ahli lain yang akan menandatangani tiap-tiap surat ikatan atau dokumen atau suratcara lain yang kepadanya meterai itu dicap dan tandatangan tersebut hendaklah menjadi keterangan *prima facie* yang menunjukkan bahawa meterai itu telah dicap dengan wajar dan sempurna dan bahawa meterai itu adalah meterai Lembaga yang sah di sisi undang-undang.

7. Tertakluk kepada perenggan 1, 2, 3 dan 4, Lembaga boleh mengawalselia prosedurnya sendiri.



LAWS OF MALAYSIA

Act 319

**MALAYSIAN FORESTRY RESEARCH AND
